



لما بنا فمبا غون سنڤ ويسوال زمارا

Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara
National Visual Arts Development Board
Balai Seni Visual Negara | National Visual Arts Gallery

No. Sebut Harga: LPSVN SH/ASET/1/2026

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN**

Pengkhususan:

Berdaftar dengan KKM, Kod Bidang Bidang 221902 - Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit) serta Permit PDRM.


1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)
1.	Eskalator	2	20,800.00	1,040.00

2. Aset boleh dilihat pada 13 hingga 16 Januari 2026 (Selasa hingga Jumaat) di antara jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang di Bangunan Galeri, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA 28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di bawah. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga: LPSVN SH/ASET/1/2026 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat:-

**Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara
Aras 6, Seksyen Kewangan,
Bangunan Pentadbiran
No.2, Jalan Temerloh Off Jalan Tun Razak
53200 Kuala Lumpur.**

5. Tarikh tutup sebutharga pada 19 Januari 2026 jam 12 tengah hari dan sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


.....
(MUHAMMAD SYAHDAN BIN SHAMSUDIN)
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

9 Januari 2026

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset yang akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut Harga/ Pembida adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak **5%** daripada harga tawaran bagi setiap aset atau **RM5,000** mengikut mana yang terendah.
3. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk wang pos atau draf bank sahaja atas nama **LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA**.
4. Tawaran bidaan tanpa/ kurang deposit tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Agensi ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya sekiranya berkaitan dengan JPJ, PUSPAKOM dan Kastam hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Penyebut Harga/ Pembida yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit tidak akan dikembalikan.
9. Penyebut Harga/ Pembida yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam **tempoh tujuh (7) hari** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
10. Pihak Jawatankuasa pemutus berhak membatalkan tawaran sekiranya di dapati Penyebut harga/ pembida yang telah berjaya membida mengemukakan draf bank yang meragukan.
11. Penyebut Harga/ Pembida perlu membawa **sijil Kementerian Kewangan Malaysia (asal)** yang mempunyai Kod Bidang: **221902 - Membeli Barang Lulus (Perlu Permit)** dan **Permit PDRM** serta **satu salinan kedua-dua sijil pendaftaran tersebut**.